

**PERATURAN-PERATURAN PEMAKAIAN PELEKAT KENDERAAN
HOSPITAL RAJA PEREMPUAN ZAINAB II (HRPZ II)
KOTA BHARU, KELANTAN**

1. Pelekat kenderaan yang dibekalkan hendaklah dilekatkan di **cermin hadapan sebelah kiri** kenderaan yang didaftarkan sahaja;
2. Pemilik pelekat kenderaan hendaklah bertanggungjawab ke atas pelekat kenderaan yang dibekalkan dan **tidak boleh dipindah milik**;
3. Pelekat kenderaan yang dibekalkan **tidak boleh dilekatkan pada cermin kenderaan perdagangan** seperti Kereta Sewa, Lori dan Van perniagaan;
4. Jika kenderaan yang didaftarkan dijual atau dipindah milik, pelekat kenderaan bagi kenderaan tersebut hendaklah diambil dan didaftarkan semula pada kenderaan baru;
5. Pemilik pelekat hendaklah bertanggungjawab **memaklumkan kepada pejabat pengeluar sebarang pertukaran / perpindahan kenderaan**;
6. Tidak meletakkan kenderaan di tempat-tempat yang tidak dibenarkan;
7. Kenderaan hendaklah diletakkan dipetak yang disediakan dengan betul;
8. Kenderaan hendaklah diletakkan **tidak menghalang lalulintas atau kenderaan** lain;
9. Pemandu kenderaan hendaklah mematuhi peraturan lalulintas yang ditetapkan oleh pihak HRPZ II;
10. Kenderaan tidak boleh diletakkan di petak-petak yang dikhaskan kepada Ketua-ketua Jabatan / Unit atau Pakar-pakar Perubatan HRPZ II atau kenderaan kecemasan (Ambulans) atau mana-mana petak kenderaan yang ditentukan oleh pihak pengurusan HRPZ II;
11. Pihak HRPZ II tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kehilangan, kerosakan atau kecurian ke atas kenderaan yang diletakkan di dalam kawasan HRPZ II;
12. Pelanggaran peraturan di atas boleh menyebabkan **pelekat kenderaan ditarik balik** dan tidak akan dibekalkan pada masa akan datang; dan
13. Pegawai dan kakitangan yang dibekalkan pelekat hendaklah mematuhi sebarang perubahan kepada peraturan yang dibuat dari masa ke semasa.